

REPETITION OF BASIC VOCABULARY IN SURAH AL-BAQARAH FROM THE ASPECTS OF FORM AND MEANING

PENGULANGAN KOSA KATA ASAS DALAM SURAH AL-BAQARAH DARIPADA ASPEK BENTUK DAN MAKNA

Abdul Basir Awangⁱ@Mohd Ramliⁱ, Mujahid Mustafa Bahjatⁱⁱ, Muhammad Akmal Zolmailyⁱⁱⁱ,
Noor Husna Talib^{iv} & Ummi Syarah Binti Ismail^v

ⁱ. (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perlis. abasir180@uitm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ). mujahidbahjat@hotmail.com

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Fakulti al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ). muhammad.akmal@unisiraj.edu.my

^{iv}. Pensyarah, Fakulti al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ). husna@unisiraj.edu.my

^v. Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perlis. ummi@uitm.sedu.my

Article Progress

Received: 15 Julai 2025

Revised: 15 August 2025

Accepted: 28 August 2025

Abstract	<p><i>Mastery of the Arabic language is highly emphasized among non-Arab Muslim communities in order to understand the text of the Quran. Various efforts and endeavors are made to achieve this dream. However, not many people know that the Quran itself has its own method to provide the best alternative to mastering the language of the Quran. The repetition of basic vocabulary with a variety of forms is a significant language style that one can employ in understanding the Quran. This study aims to identify vocabulary that is repeated in large numbers in Surah al-Baqarah. This research is conducted using qualitative method based on thematic analysis. Based on this analysis, the themes of meaning and forms of basic vocabulary found in surah al-Baqarah are analyzed. In addition, the approach of lexical and semantic analysis is also used to obtain the structure of the vocabulary and the effect of its repetition on the meaning of the vocabulary involved. The findings of this study found that the use of the language style of repeating basic vocabulary is a phenomenon in the Quran. This phenomenon, if researched and followed well, can increase mastery of the language of the Quran. This study can provide an overview of the structure and meaning of vocabulary as a guide in producing a dictionary that collects all the vocabulary repeated in the Quran and its derivational forms to meet the needs of researchers, students and readers from various backgrounds.</i></p> <p>Keywords: <i>Repetition, Vocabulary, Word, Forms, Meaning.</i></p>
Abstrak	<p><i>Penguasaan bahasa Arab sangat dititikberatkan di kalangan masyarakat Islam yang bukan berbangsa Arab, bagi memahami teks al-Quran. Pelbagai usaha dan ikhtiar dilakukan agar impian ini tercapai. Bagaimanapun tidak ramai yang mengetahui bahawa al-Quran sendiri mempunyai kaedah tersendiri untuk</i></p>

memberi alternatif yang terbaik untuk menguasai bahasa al-Quran. Pengulangan kosa kata asas dengan kepelbagaian bentuk adalah salah satu gaya bahasa yang amat menarik dalam usaha seseorang memahami al-Quran. Kajian ini bertujuan mengenal pasti kosa kata yang berlaku pengulangan dengan jumlah yang banyak dalam surah al-Baqarah. Penelitian ini dijalankan dengan method kualitatif berdasarkan analisis tematik. Berdasarkan analisis ini, tema-tema makna dan bentuk kosa kata asas yang terdapat dalam surah al-Baqarah dianalisis. Selain itu, pendekatan kajian analisis leksikal dan semantik juga digunakan untuk mendapatkan struktur kosa kata tersebut serta kesan pengulangannya ke atas makna kosa kata yang terlibat. Dapatan kajian ini mendapati penggunaan gaya bahasa pengulangan kosa kata asas adalah suatu fenomena dalam al-Quran. Fenomena ini jika diteliti dan dikuti dengan baik boleh menambahkan penguasaan bahasa al-Quran. Kajian ini dapat memberi gambaran struktur dan makna kosa kata sebagai panduan dalam penghasilan kamus yang menghimpunkan kesemua kosa kata yang berulang di dalam al-Quran serta bentuk-bentuk derivasinya bagi memenuhi keperluan pengkaji, pelajar serta pembaca dari pelbagai latar belakang.

Kata kunci: Pengulangan, Kosa Kata, Perkataan, Bentuk, Makna.

PENDAHULUAN

Al-Quran Al-Karim merupakan kitab panduan bagi umat Islam dalam aqidah dan syariah, membicarakan berkenaan keimanan, tauhid, ibadah, muamalah, akhlak di samping menjadi sumber ilmu pengetahuan dalam kehidupan di dunia dan akhirat. Walaupun Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab, kitab ini di hafal oleh seluruh umat Islam samada orang Arab mahupun bukan Arab. Namun bagi memahami Al-Quran, perlunya penguasaan terhadap bahasa Arab, oleh yang demikian Allah menurunkan dalam Al-Quran dengan adanya pengulangan kosa kata, ayat dan ilmu pengetahuan yang lain, bagi memudahkan umat Islam untuk memahami kitab yang mulia ini.

Kaedah pengulangan ini atau di panggil sebagai *uslub tkrar* di dalam bahasa Arab turut boleh di gunakan dalam pembelajaran bahasa Arab. Pengulangan kosa kata dalam kaedah pembelajaran dapat membantu pelajar menguasai bahasa Arab dengan lebih mudah. Salah satu bukti kemukjizatan Al-Quran dari aspek gaya bahasa adalah pengulangan kosa kata didalamnya atau dalam bahasa Arab disebut *tkrar*. Gaya bahasa pengulangan ini bukan menunjukkan kekurangan dan kelemahan Al-Quran tetapi menunjukkan kelebihan dan keistimewaan bahasa Arab yang digunakan (Amir et.al,2017).

Al-Quran sebagai sumber rujukan utama bagi umat islam telah diturunkan dalam bahasa Arab yang terkenal dengan kekayaan kosa katanya. Namun begitu, terdapat banyak pengulangan kata dan frasa di dalam Al-Quran. Hal ini memerlukan kajian serta perbincangan yang berterusan di kalangan ahli agama dan para pengkaji dalam usaha untuk memahami tujuan dan fungsi pengulangan kosa kata / gaya bahasa ini dalam konteks Al-Quran secara lebih mendalam. Tambahan pula, bahasa Arab yang bersifat derivatif, iaitu sebuah bahasa yang kebanyakan perkataannya dibentuk dari kata dasar dengan menambahkan haruf awalan, akhiran, atau mengubah bentuk kata dasar tersebut-menjadikan kajian pengulangan kosa kata di dalam Al-Quran lebih kompleks.

Kajian ini memerlukan pengasingan dan perbandingan setiap pengulangan kata dasar dan bentuk-bentuk derivasinya yang pelbagai bagi menghasilkan analisis pengulangan kata yang lebih teliti dan menyeluruh dari segi bentuk dan fungsinya. Selain itu, terdapat kekurangan sumber yang komprehensif untuk dijadikan sebagai rujukan oleh pelbagai pihak bagi mendalami isu ini, terutamanya dalam bentuk glosari atau kamus. Kekurangan rujukan ini telah menyebabkan para pengkaji, pelajar, dan pembaca am terutamanya menghadapi cabaran untuk memahami dan mentadabbur makna yang dikehendaki atau menghargai peranan pengulangan kata dan frasa itu sendiri yang telah digunakan secara meluas dalam al-Quran.

Dalam konteks masyarakat Melayu pula, pelbagai kaedah telah diperkenalkan bagi membolehkan masyarakat memahami isi kandungan Al-Quran yang telah diturunkan dalam bahasa Arab, antaranya kaedah terjemahan per kata. Walaupun kaedah ini dilihat sangat memberi manfaat dalam pembelajaran al-Quran, hasil terjemahan satu per satu kosa kata al-Quran yang tebal boleh memberi kesan negatif dan melemahkan semangat pembaca yang bukan penutur asli bahasa Arab.

Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk meneliti teknik pengulangan kosa kata di dalam Surah al-Baqarah, iaitu surah yang terpanjang di dalam al-Quran (286 ayat) dengan mengambil kira sifat bahasa Arab sebagai bahasa *derivatif*, bagi mendapatkan gambaran bentuk dan fungsi pengulangan kosa kata secara lebih menyeluruh, dan seterusnya menghasilkan panduan sebuah kamus yang menghimpunkan kesemua kosa kata yang berulang di dalam surah al-Baqarah serta bentuk-bentuk *derivasi* yang digunakan bagi memenuhi keperluan pengkaji, pelajar mahupun pembaca dari kalangan masyarakat melayu yang bukan penutur asli bahasa Arab.

Pelbagai kajian lepas telah dijalankan berkaitan pengulangan sebagai salah satu teknik sastera yang digunakan dalam sesebuah wacana. Shunnaq dan Farghal (1999:136) mendefinisikan pengulangan sebagai satu fenomena semantik yang merujuk kepada penggunaan lebih perkataan dari yang diperlukan untuk menyampaikan sesuatu konsep. Walaupun gaya bahasa pengulangan didapati digunakan dalam kebanyakan bahasa di dunia, Bahasa Arab dilihat menggunakan teknik pengulangan secara lebih kerap dan meluas berbanding bahasa lain, contohnya Bahasa Inggeris (Johnstone, 1991).

Dickins, Hervey & Higgins (2002) telah membahagikan teknik pengulangan dalam bahasa Arab kepada dua bahagian: morfologi dan leksikal. Pengulangan morfologi terdiri dari tiga jenis, iaitu pengulangan bentuk, pengulangan kata akar, dan pengulangan imbuhan akhir, manakala pengulangan leksikal pula terdiri dari dua jenis iaitu pengulangan perkataan yang sama dan pengulangan frasa yang sama. Pengulangan perkataan atau frasa di dalam sesebuah wacana tidak boleh dianggap sebagai sekadar hiasan atau lebihan, bahkan kebanyakan pengulangan mempunyai fungsi yang tersendiri.

Umaymah Badridin (2010) dalam kajian beliau keatas pengulangan di dalam hadith Nabi telah menyenaraikan pelbagai fungsi gaya bahasa pengulangan, antaranya penekanan ke atas kepentingan atau bahaya sesuatu perkara, keseronokan dalam menyebut sesuatu nama, amaran dari melakukan sesuatu kesalahan, peringatan kepada orang yang lalai dan penjelasan kepada orang yang tidak memahami, kesungguhan dalam berdoa, serta pemangkin motivasi.

al-Suyuti (2000) menukikan kata-kata al-Zarkashi tentang beberapa faedah *al-tikrar* dalam al-Qur'an, iaitu memperakui kosa kata dengan lafaz dan makna yang terhasil, pengulangan kata sebagai penguat berita atau hukum yang hendak disampaikan, menambahkan lagi keperihatinan dalam penerimaan atau penafian sesuatu perkara, memperingati semula selepas perbincangan yang panjang dan memuliakan atau menakutkan dengan sesuatu perkara.

Mujahid Mustafa Bahjat (2005) turut menulis berkaitan penggunaan kosa kata yang berulang di dalam Al-Quran dan hadis serta aplikasi kosa kata-kosa kata yang berulang tersebut di dalam pembelajaran bahasa Arab. Menurut Mujahid Mustafa Bahjat lagi (2022), dengan mengenal pasti kosa kata yang berulang di dalam Al-Quran, boleh membantu umat Islam yang bukan Arab untuk memahami dan mentadabbur Al-Quran dengan mudah. Ini dilakukan dengan mengenal pasti kosa kata yang berulang tersebut dan menjelaskan makna kosa kata dan ayat tersebut ke dalam bahasa yang di ingini. Gaya bahasa pengulangan juga digunakan di dalam Al-Quran, malah turut dianggap sebahagian dari *i'jaz* (keajaiban) Al-Quran yang tidak boleh ditiru oleh manusia. Kebanyakkan kajian yang dijalankan berkaitan pengulangan kata dan frasa dalam al-Quran lebih tertumpu kepada aspek menjelaskan fungsi pengulangan dalam konteks tertentu.

Sebagai contoh, Zahazan Mohamed (2011) melalui kajian beliau *Gaya Bahasa Pengulangan dalam Al-Qur'an: Satu Kajian Dalam Surah Al-Rahman* telah mengkaji

pengulangan ayat ﴿فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَان﴾ dalam surah al-Rahman dan telah merumuskan bahawa ayat-ayat tersebut telah diulang dengan fungsi merangkumi suruhan, perintah, larangan, pertanyaan, *subjungtif* dan seruan. Beliau juga menegaskan bahawa ayat pengulangan ini tidak boleh digugurkan tanpa memberi kesan kepada makna yang dikehendaki.

Amir et al. (2017) pula telah membentangkan kajian pengulangan di dalam *juz Amma*, dan mendapati bahawa pengulangan di dalam *juz Amma* mempunyai pelbagai bentuk, fungsi, makna dan idea. Walau bagaimanapun, kajian ini menggunakan kaedah deskriptif yang bersifat pembentangan secara umum, tanpa menganalisis dan merumuskan kategori-kategori bentuk dan fungsi pengulangan yang terdapat di dalam sampel yang dikaji.

Nurul Mukminah Zainan Nazri et al. (2017) pula telah mengkaji perkataan *al-ma'* dan *ma'* dalam al-Quran dan hasil kajian tersebut telah mendapati bahawa perkataan *al-ma'* dan *al-ma'* diulang dalam al-Quran dalam tujuh konteks iaitu air hujan, minuman, bencana, ciptaan manusia, perumpamaan, tempat, air di dalam syurga dan neraka, Kaedah kajian ini dilihat lebih mendalam berbanding kajian sebelumnya, namun ia mempunyai limitasi yang terlalu mengekang, iaitu ia hanya mengkaji fungsi pengulangan satu perkataan sahaja di dalam al-Quran.

Sammad Hasibuan (2022) pula telah mengkaji penggunaan gaya bahasa pengulangan dalam surah *al-Jin* dan beliau memilih untuk membentangkan hasil kajian tersebut berdasarkan kaedah stilistika dari perspektif Gorys Keraf. Beliau mendapatkan 5 jenis gaya bahasa pengulangan di dalam surah *al-Jin*, iaitu tautotes, epizeuksis, mesodiplosis, epistrofa dan anafora. Fungsi dari penggunaannya juga berbeza, misalnya sebagai penjelasan, penegasan, ataupun penguat makna. Disamping menjelaskan fungsi pengulangan, Mohammad Luthfil Anshori (2015) melalui kajian beliau juga membahagikan pengulangan di dalam al-Quran kepada dua bahagian: pengulangan lafaz dan makna dan pengulangan makna sahaja tanpa lafaz.

Walaupun bagaimanapun, kajian beliau merupakan kajian sekunder, iaitu beliau mengkaji hasil tulisan pengkaji lain tanpa menganalisis bahan rujukan itu sendiri, iaitu al-Quran. Kaedah kajian ini walaupun boleh memberi konteks dan perspektif yang lebih meluas, ia tidak mampu mengetengahkan pandangan dan penemuan yang asli dari pengkaji. Sementara itu, Hanik Mahliatussikah dan Himatul Istiqomah (2020) melalui kajian mereka terhadap pengulangan di dalam surah *al-Fath* telah memberi fokus kepada bentuk-bentuk pengulangan dalam surah tersebut telah menyimpulkan bahawa terdapat empat jenis pengulangan di dalam surah *al-Fath* iaitu fonologi, morfologi, sintaks dan semantik. Di dapati pengulangan yang paling kerap digunakan ialah pengulangan fonologi melalui pengulangan ritma hadapan dalam bentuk morfem, diikuti pengulangan syntax melalui pengulangan sebahagian duplikasi semula.

Cucu Nurhayati (2020) dalam *Tikrar dalam al-Quran (Analisis pengulangan ayat inna fi zalika la ayah wa ma kana aksaruhum mu,minin dalam surah al-Shuara)* menggunakan metode kualitatif deskriptif menjelaskan jenis-jenis *tikrar* dalam al-Quran. Penekanan kajian ini ialah keseragaman dan pengukuhan lafaz dan makna yang terhasil daripada data yang dikumpulkan. Pengulangan ayat-ayat ini juga menunjukkan rahmat Allah kepada hambanya. Kajian ini lebih kepada tadabur ayat-ayat yang berlaku pengulangan.

Khairul Asyraf Mohd Nathir dan rakan-rakan (2017) telah membuat kajian keatas para pelajar program Bahasa Arab dan Komunikasi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi menganalisis persepsi responden terhadap pembelajaran kosa kata bahasa Al-Quran melalui aplikasi *Almaany* dalam telefon pintar. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan persepsi pelajar terhadap pembelajaran kosa kata bahasa Al-Quran melalui aplikasi *Almaany* adalah positif. Oleh itu, pengkaji melihat terdapatnya keperluan untuk menghasilkan sebuah kamus yang menghimpunkan kosa-kata di dalam Al-Quran yang dapat lebih membantu para pelajar dalam proses pembelajaran mereka.

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif deksriptif. Berdasarkan kajian literatur ini, dapat disimpulkan bahawa terdapat jurang penyelidikan bagi kajian pengulangan di dalam al-Quran, iaitu masih terdapat banyak aspek yang belum dijelajahi. Oleh itu, pengkaji memilih untuk mengadakan kajian keatas pengulangan kosa kata asas di dalam surah al-Baqarah secara lebih menyeluruh melalui analisa setiap kosa kata asas yang berulang beserta bentuk-bentuk derivasi kosa kata yang terlibat, diikuti dengan penterjemahan kosa kata tersebut ke dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu bagi membentangkan kesan perubahan bentuk derivasi keatas makna setiap kosa kata, disamping sebagai persediaan awal untuk menghasilkan sebuah panduan perbendaharaan kata asas al-Quran.

METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji menganalisis surah *Al-Baqarah* secara semantik dan leksikal. Kajian ini turut menggunakan pendekatan kualitatif bagi mendapatkan kekerapan dan peratusan leksikal pengulangan kosa kata di dalam surah *Al-Baqarah* serta bentuk kosa kata tersebut. Seterusnya pengkaji akan melihat kesan perubahan bentuk kosa kata yang berulang tersebut dari segi makna. Proses menganalisis sebuah teks bertulis ini bertujuan untuk menepati objektif kajian ini iaitu mengenal pasti kekerapan pengulangan kosa kata bahasa Arab dari segi semantik leksikal dan bentuknya, seterusnya menerangkan semantik leksikal tersebut dari segi kesan terhadap makna dalam surah *Al-Baqarah*.

Dalam pengumpulan data, pengkaji meneliti ayat-ayat Al-Quran di dalam surah *al-Baqarah* dan mencatat kosa kata-kosa kata yang berulang secara manual lengkap beserta nombor ayat dan muka surat, seterusnya menganalisis bentuk kosa kata tersebut dan mencari sinonim kosa kata tersebut di dalam bahasa Arab serta menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu. Pemilihan surah ini kerana ianya merupakan surah kedua di dalam Al-Quran.

Tambahan pula, surah Al-Baqarah juga merupakan surah terpanjang dalam Al-Quran dengan jumlah keseluruhan 286 ayat. Justeru, pengkaji berpendapat surah ini memiliki kosa kata yang banyak dan berulang lebih dari surah yang lain dalam Al-Quran. Selain itu, data kajian menunjukkan terdapat 227 kosa kata yang mempunyai pengulangan lebih 50 kali dalam al-Quran. Sebanyak 222 kosa kata terdapat dalam surah ini. Seterusnya kajian ini juga membataskan data kajian ini untuk pengulangan yang melebihi 20 kali sahaja dalam surah al-Baqarah. Berikut adalah data kajian ini:

Jadual 1: Data kajian (Kosa Kata Dan Jumlah Pengulangan Dalam al-Baqarah)

Bil.	Kosa kata	Jum Pengulangan	Bil.	Kosa kata	Jum Pengulangan
1	الله	282	26	خير	27
2	قول	139	27	هو	27
3	علم	102	28	ثم	26
4	الذين	88	29	نزل	26
5	أمن	84	30	أخذ	25
6	كون	78	31	يوم	25
7	هم	70	32	أرض	24
8	إذا وإذا	61	33	الذي	24
9	أتى	54	34	حقق	24

10	رب	49	35	آية	23
11	كتب	48	36	سمو	23
12	كفر	47	37	عمل	23
13	بين	46	38	قبل	23
14	شيء	43	39	مثل	22
15	ذلك	41	40	آخر	21
16	نوس	39	41	خرج	21
17	وقى	37	42	عند	21
18	نفس	35	43	كل	21
19	من	34	44	موت	21
20	هدى	34	45	ولي	21
21	قوم	33	46	رحم	20
22	ظلم	31	47	عدو	20
23	قتل	31	48	ملك	20
24	أولئك	28	49	نفق	20
25	بعد	27			

Pengulangan lafaz dalam al-Qur'an adalah suatu fenomena yang disepakati oleh para ulama. Bahkan, ia menurut al-Suyuti:(2000, 1/72) pengulangan dalam al-Quran sebagai tanda kefasihan bahasa Arab. Perbezaannya hanya dalam menghuraikan objektif pengulangan berdasarkan struktur bahasa dan konteks yang berlaku. Ini sudah tentu memerlukan penelitian yang lengkap untuk menjelaskan tujuan sesuatu perkataan itu diulang-ulangkan dengan banyak dalam al-Qur'an.

Pengulangan dalam al-Qur'an (kedudukan perkataan dan makna) tidak lari daripada empat keadaan, pertama, pengulangan kata sendi. Kedua, pengulangan kosa kata. Ketiga pengulangan frasa yang tidak lengkap dan keempat pengulangan ayat yang sempurna. Seterusnya kedudukan kata pengulangan itu bersambung atau terpisah daripada yang awal.

Kajian ini hanya memfokuskan pengulangan perkataan sahaja samada dalam satu ayat atau ayat yang berbeza. Tujuannya adalah untuk melihat kesan pengulangan terhadap struktur kosa kata dan makna.

PERBINCANGAN KAJIAN

Analisis pengulangan kosa kata asas, dibahagikan kepada beberapa perkara berikut, iaitu:

1. Skop pengulangan kosa kata
2. Jenis kosa kata
3. Bentuk kosa kata
4. Makna terhasil

Skop Pengulangan Kosa kata

Pengulangan kosa kata asas ini terjadi kepada perkataan kosa kata daripada segi lafaz dan makna (pengulangan lafaz dan makna). Dilihat kepada data, pengulangan lafaz dan makna melibatkan semua jenis kosa kata dalam bahasa Arab, kata nama, kata kerja dan huruf. Ia

terjadi bukan dalam ayat yang sama atau ayat yang bersambung, sebaliknya, pengulangan dalam ayat-ayat yang berbeza dalam surah al-Baqarah.

Abu Bakar (2025) menjelaskan bahawa faedah pengulangan sesuatu termasuk perkataan dalam al-Quran lebih kepada makna *al-taqrir* dan *al-ta'kid*, iaitu pengakuan kepada maklumat yang disampaikan dan menguatkan kosa kata yang awal. Kaedah bahasa menyebut "bila sesuatu (bahasa) itu berulang ia adalah suatu ketetapan (pengakuan)". Data-data kajian ini jelas menunjukkan pengulangan kosa kata begitu banyak dalam surah al-Baqarah.

Selain itu, dari segi *balaghah*, pengulangan kosa kata dengan pelbagai bentuk uslub dan kosa kata menambahkan kecantikan, kesenian bahasa al-Qur'an dan menambahkan lagi viarasi makna yang terhasil. Data yang menunjukkan makna ini secara jelas adalah kosa kata yang berlaku pengulangan dalam semua jenis kata kerja (*madi*, *mudari'* dan *amar*) dan sekurang-kurangnya 2 kata nama sama ada *masdar*, *sifah mubalaghah*, *sifat musyabbahah*, *zarf*. Data menunjukkan kosa kata berikut adalah yang paling banyak berulang dengan lima bentuk kosa kata, iaitu *masdar*, *sifat mushabahah*, *fi'il madi*, *mudari'* dan *amr*.

Jadual 2: Jumlah Pengulangan Mengikut Jenis Kosa Kata

Kosa Kata Asas	Bil Pengulangan	Masdar	Sifat Mushabbahah	Madi	Mudari'	Amar
علم	102	10	21	10	50	11
قوم	33	19	1	3	6	4
قتل	31	1	7	6	11	6
أخذ	25	1	1	10	9	4
خرج	21	2	3	9	6	1
موت	21	5	8	2	5	1
عدو	20	2	8	4	5	1

Ia berbeza dengan tabiat orang Arab yang kebiasaannya menggunakan kaedah yang sama untuk menyampaikan sesuatu makna.

Jenis Kosa Kata

Dalam bahasa Arab, kosa kata dibahagikan kepada 3 kategori, *ism* (kata nama), *fi'el* (kata kerja) dan *harf* (huruf). Analisis yang dijalankan menunjukkan 49 kosa kata asas dalam surah al-Baqarah terdiri daripada tiga jenis kosa kata yang terdapat dalam bahasa Arab. Ia boleh dikategorikan dalam jadual berikut:

Jadual 3: Jenis Dan Jumlah Kosa Kata

Kata nama sahaja	22
Kata kerja sahaja	3
Kata nama & kata kerja	22
Huruf	2

Jadual 3 menunjukkan kosa kata nama sahaja mempunyai jumlah yang banyak, iaitu sebanyak 22 kosa kata. Kosa kata ini merujuk kepada penggunaannya terhadap kata nama sahaja, merangkumi kata nama bagi Allah (*Allah*, *rabb* dan *mulk*), *ism mawsul*, *ism isyarat*, kata-kata nama yang *jamid*, *zarf*. Kosa kata nama seterusnya ialah kosa kata yang datang dengan kata nama dan kata kerja, iaitu sebanyak 22 perkataan. Kosa kata itu merangkumi *qaul*, *'alima*, *amana*, *kataba*, *kafara*, *bayana*, *shai'*, *waqa*, *huda*, *qawama*, *zhalam*, *qatala*, *akhaza*, *'amila*, *qabala*, *akhira*, *kharaja*, *mawta*, *walla*, *rahima*, *'aduwu* dan

nafaqa. Ia datang dengan kata nama dan kata kerja, manakala kata kerja sahaja sebanyak 3 perkataan, iaitu *nazala*, *kana* dan *ata*. Jenis kosa kata yang paling sedikit ialah huruf, iaitu sebanyak 2 kosa kata, iaitu *iza* dan *thamma*.

Pengulangan kata nama sahaja sebanyak 22 dan 22 yang bercampur dengan perbuatan menggambarkan kosa kata dalam bahasa Arab melalui kata nama mudah difahami. Ia tidak mempunyai makna lain yang tersembunyi. Jika dibandingkan dengan kata kerja, kata kerja mempunyai ganti nama yang disebut sebagai *mustatir*. Selain itu, penerjemahan kata kerja bahasa Arab juga tidak dapat memisahkan pelaku dengan kata kerja. Contohnya: *zahaba* akan diterjemahkan sebagai dia (L) telah pergi. Hanya dengan satu kata kerja, ia perlu beberapa perkataan untuk menggambarkan maknanya.

Kosa kata nama dalam kajian ini boleh difahami dengan mudah kerana fungsi kata nama itu hanya menjelaskan sesuatu kosa kata itu sahaja tanpa berkait dengan masa yang menjadi suatu kretaria kata kerja. Contohnya nama-nama Allah, *ism isyarah*, *mausul* dan lain-lain dapat difahami secara langsung. Kajian S Fathie Mohamad Zaki (2024) menguatkan bahawa kosa kata nama mudah dipelajari dan difahami daripada kata kerja. Al-Qur'an kitab petunjuk yang mudah difahami sudah tentu perlu memiliki bahasa yang mudah dan tepat. Jadi pengulangan kosa kata nama ini akan memudahkan kefahaman terhadap makna yang hendak disampaikan.

Pengulangan kosa kata nama juga menjadikan sesuatu perkataan itu asalnya umum sudah dan mudah dikenali. Kosa kata nama Allah antara yang paling banyak berlaku pengulangan agar manusia sentiasa mengingati bahawa tiada tuhan yang layak disembah selain daripada Allah. Pengulangan ini bersifat khusus, bukan merujuk kepada mana-mana tuhan, sebaliknya hanya merujuk kepada Allah. Pengulangan kosa kata nama dengan jumlah yang banyak menjadikan juga kosa kata berkenaan mudah diingati kosa kata asas walaupun kadang-kadang bentuk dan makna kosa kata ada sedikit berbeza disebabkan perbezaan bentuk.

Jenis Kosa Kata Nama

Dalam kajian ini kosa kata nama yang paling banyak pengulangan ialah *masdar*, *sifat mushabahah*, *sighah mubalaghah*, *zharf* dan gantinama. Penggunaan dan pengulangan perkataan dalam bentuk *masdar* amat diperlukan kerana *masdar* adalah perkataan asal bagi semua pecahan perkataan dalam bahasa Arab. Dari segi makna, setiap perkataan akan dirujuk makna *masdar* kemudian barulah ia disesuaikan dengan makna mengikut jenis kosa kata yang berkaitan.

Peranan kosa kata *masdar* dalam kajian ini lebih tertumpu kepada tiga fungsi utama *masdar*, iaitu sebagai penguat lafaz dan makna, penjelasan sebab dan natijah dan untuk menarik perhatian pendengar dan pembaca. Peranan *masdar* sebagai penguat lafaz dan makna amat sesuai dengan kitab al-Quran sebagai kitab hidayah. Antara perkataan yang paling banyak pengulangan dalam bentuk *masdar* ialah kosa kata كتاب (kitab) sebanyak 27 kali dan هداية (hidayah) sebanyak 17 kali. Dapatan kajian ini amat signifikan dengan tujuan al-Quran diturunkan sebagai kitab petunjuk kepada manusia.

Jenis kosa kata nama yang kedua ialah *sighah mubalaghah*. Ia merujuk kepada kata nama yang merujuk kepada pelaku yang diperkuatkan dengan makna yang melampau. Dalam kajian ini kosa kata *sighah mubalaghah* yang paling banyak pengulangannya ialah العليم (yang Maha Mengetahui) sebanyak 21 kali. Penggunaan bentuk ini adalah bersifat hakiki kerana Allah tuhan sekalian alam sememangnya bersifat dengan melampau, iaitu melebihi daripada sifat makhluk. Allah bersifat yang Maha Sempurna. Bentuk dan kosa kata yang berkaitan signifikan dengan sumber kajian, iaitu al-Quran yang diturunkan oleh العليم (yang Maha Mengetahui).

Bentuk kosa kata nama yang ketiga ialah *al-zarf*. Ia merujuk kepada kata nama yang menerangkan makna masa atau tempat atau arah sesuatu perbuatan dan mengandungi

makna pada atau dalam. Dalam kajian ini terdapat enam kosa kata *al-zarf* yang berulang dengan begitu banyak, iaitu إذا (32), إذ (29), بعد (26), قبل (13), عند (21) dan بين (18).

Penggunaan إذا dalam surah al-Baqarah adalah sebagai *zarf zamani* bagi perbuatan yang akan berulang pada masa hadapan dan ia memberi makna syarat. Contohnya:

﴿وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ﴾

Penggunaan إذا dalam ayat berkenaan menggambarkan waktu atau masa kata-kata itu pasti diungkapkan pada masa hadapan dan ia adalah bersyarat إذا, kata-kata selepas itu iaitu قِيلَ adalah syarat dan jawapan syarat bermaksud “mereka akan berkata mereka adalah orang-orang baik”. Makna *balaghi* yang boleh difahami daripada penggunaan إذا dalam surah al-Baqarah untuk menunjukkan gambaran yang sama akan berulang-ulang yang pasti berlaku. Ia juga menggambarkan betapa suatu pihak yang lain, seperti sifat orang yang tidak beriman dan munafik yang amat sombong, bahkan ia adalah sifat kebiasaan mereka. Penggunaan إذا juga menggambarkan suasana langsung yang lebih menghasilkan kesan dalam diri pembaca.

Kosa kata kedua adalah إذ. Ia adalah *zarf zamani* yang menunjukkan masa yang telah berlalu. Tujuannya adalah untuk manusia mengingati kembali perbuatan atau peristiwa penting yang telah berlaku agar mereka menjadi manusia yang lebih bersyukur. Penggunaan إذ dalam surah al-Baqarah banyak untuk manusia melihat kejadian Adam dan keengkarannya Iblis, nikmat yang dianugerahkan kepada Bani Israel, kisah Nabi-nabi bersama dengan anak dan pengikut mereka. Di sisi yang lain, ia menggambarkan perangai buruk manusia yang tidak mengambil pengajaran daripada kisah atau peristiwa yang dinyatakan oleh Allah. Penggunaan ini juga akan membawa pembaca seolah-olah hadir atau ada sewaktu sesuatu arahan itu dikeluarkan oleh Allah.

Jelas daripada penggunaan إذا dan إذ mempunyai nilai bentuk kosa kata yang mirip dan makna yang berbeza. Penggunaannya dalam al-Quran amat signifikan dengan status kitab Allah.

Penggunaan بعد dalam sumber data ini terbahagi kepada tiga jenis penggunaan, pertama penggunaan sebagai *al-Zarfiyyah* sebanyak 5 ayat yang membawa makna masa selepas tanpa pengkhususan tempoh. Contohnya:

﴿قَالَ أَلَيْسَ لِي بِحَيٍّ هَذِهِ اللَّهُ بَعْدَ مَوْتِهَا﴾

Maksudnya, “orang itu berkata “bagaimana Allah akan menghidupkan (membina semula) negeri ini selepas kematiannya (rosak binasa)?” (al-Quran, Al-Baqarah: 259).

Tempoh untuk menghidupkan kembali itu hanya dinyatakan selepas kematian secara umum. Ia amat berbeza dengan jenis penggunaannya yang kedua, iaitu بعد sebagai kata nama didahului oleh *harf jarr* من. Kosa kata jenis ini terdapat sebanyak 21 ayat dalam surah al-Baqarah. Daripada segi makna kosa kata jenis ini lebih khusus untuk menggambarkan tempoh bermula dengan lebih tepat. Contohnya:

﴿ثُمَّ قَسَتْ قُلُوبُكُمْ مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ فَهِيَ كَالْحِجَارَةِ﴾

Maksudnya, “kemudian sesudah itu, hati kamu juga menjadi keras seperti batu” (al-Quran, Al-Baqarah: 74). Iaitu, seusai melihat tanda-tanda kebesaran Allah yang jelas, hati mereka terus menjadi keras seperti batu, tanda hati yang sangat keras

Jenis penggunaan بعد ketiga ialah *zarfiyyah mabni* dalam ayat:

﴿فَإِنْ طَلَّقَهَا فَلَا تَحِلُّ لَهُ مِنْ بَعْدُ حَتَّى تَنْكِحَ زَوْجًا غَيْرَهُ﴾

Dari segi makna, ialah adalah tempoh yang telah dinyatakan, iaitu seusai berlakunya talak yang ketiga, maka seseorang perempuan haram dinikahi oleh mantan suaminya sehinggalah ia telah berkahwin dengan orang lain.

Daripada segi *zarf* tempat, perkataan *عِنْدَ* datang dengan *majrur* dan *mansub*. Perbezaan makna antara dua jenis perkataan merujuk kepada arah atau tempat keluar arahan untuk *majrur* dengan *min*. Contohnya:

﴿وَلَمَّا جَاءَهُمْ رَسُولٌ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ مُصَدِّقٌ لِمَا مَعَهُمْ﴾

Maksudnya, “dan apabila datang kepada mereka seorang Rasul (Nabi Muhammad) dari sisi Allah yang mengesahkan apa yang ada pada mereka” (al-Quran, Al-Baqarah: 101)

Penggunaan *zarf majrur* dengan *harf jarr* menunjukkan arah tempat keluar secara jelas, iaitu di sisi Allah. Perkataan ini berulang sebanyak 5 kali. *Zarf mansub* dengan makna tempat, berhampiran kedudukan, ilmu dan berulang dalam surah al-Baqarah sebanyak 16 kali. Contohnya:

﴿وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ لَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ﴾

Maksudnya, “mereka yang menunaikan sembahyang dan mengeluarkan zakat bagi mereka pahala di sisi (pada) tuhan mereka” (al-Quran, Al-Baqarah:110)

Jenis kata nama yang terakhir ialah gantinama *هم* dan *هو*. Kedua-dua gantinama ini memberi erti mereka (lelaki) dan dia (lelaki). Pengulangan kosa kata ini masing-masing 70 dan 27 dalam surah al-Baqarah. Penggunaan gantinama mereka dalam bahasa Arab sudah pasti untuk meringkaskan percakapan, menguatkan kata-kata, eksklusif, memuji atau mengkeji. Di samping itu ia juga bertujuan untuk mengikat jalan cerita daripada kategori manusia yang sama. Walaupun penggunaan kata *هم* merujuk kepada gantinama lelaki, tetapi dalam ayat al-Quran, ia merujuk kepada lelaki dan perempuan. Hal ini berdasarkan tiga alasan; pertama, kaedah bahasa Arab, jika ia bercampur lelaki dan perempuan, maka dihukum dengan lelaki. Kedua, balaghah bahasa Arab yang menggunakan uslub lelaki untuk mengurangkan kepayahan pengulangan gantinama untuk perempuan. Jika tidak bahasa akan terjadi seperti berikut; *هم و هو* dan ini menambahkan lagi kepayahan dalam percakapan. Ketiga, penggunaan *هم* merangkumi lelaki dan perempuan daripada segi makna dan konteks.

Dalam data kajian jelas menunjukkan penggunaan gantinama *هم* merujuk kepada semua jantina, tiada suatu keterangan yang menunjukkan makna gantinama lelaki sahaja. Untuk menjelaskan makna sebenar, perlu dirujuk gantinama kepada kata nama. Daripada 70 kali disebut *هم*, 23 kali merujuk kepada orang beriman, 47 kali merujuk kepada orang munafik, tidak beriman dan ahli neraka. Penggunaan kata gantinama *هو* sebanyak 27 kali pengulangan dan hampir separuh daripadanya merujuk kepada kata nama Allah yang bertujuan menguatkan kata-kata dan meringkaskan kalam, manakala yang lain merujuk kepada gantinama benda, termasuk al-Quran, perbuatan manusia, makanan dan lain-lain.

Terdapat satu gantinama yang tidak merujuk kepada mana-mana kata nama, ia datang bertujuan untuk menguatkan kata-kata sahaja, iaitu firman Allah:

﴿فَإِنْ كَانَ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ سَفِيهًا أَوْ ضَعِيفًا أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يُمِلَّ هُوَ فَلْيُمْلِلْ وَلِيُّهُ بِالْعَدْلِ﴾

Maksudnya, “kemudian jika orang yang berhutang itu bodoh atau lemah atau ia sendiri tidak dapat merencanakan, maka hendaklah direncanakan oleh walinya dengan adil “ (al-Quran, Al-Baqarah:282)

Gantinama *huwa* dalam ayat sebagai penguat dan pemisah, bukan pelaku kepada mana-mana perbuatan.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian membincangkan dua hasil utama daripada kajian ini, iaitu pertama, fungsi dan tujuan pengulangan kosa kata dalam al-Quran. Kedua, perubahan bentuk pengulangan dan makna yang terhasil. Kajian memberi isyarat bahawa bentuk kosa kata yang paling kerap diulangi adalah kata nama dan kekerapan pengulangan kosa kata tersebut memberi kesan ke atas pemahaman makna ayat dalam surah Al-Baqarah.

Pengulangan kosa kata nama dan jenis-jenisnya adalah yang paling banyak berlaku. Pengulangan ini memberi makna yang jelas bahawa makna kata nama adalah tetap dan boleh difahami secara langsung. Kosa kata nama tidak mengandungi makna yang tersembunyi seperti yang dimiliki oleh sebahagian kata kerja. Ia juga tidak terikat dengan masa dan tempat, mudah difahami secara langsung.

Hasil kajian ini menghimpunkan sejumlah besar kosa kata bahasa Arab yang berulang dalam surah Al-Baqarah. Pengulangan kosa kata yang banyak pada perkataan yang berkaitan tawhid, nama Allah dan seumpamanya sememangnya selari dengan kitab al-Qur'an sebagai kitab hidayah. Pengulangan kosa kata ini juga memudahkan pembaca untuk mengingati kosa kata Arab yang sudah pasti penting dan makna yang terkandung.

Maka, tidak sepatutnya pembaca al-Quran dan peminat bahasa Arab yang membacanya selalu akan melupai perbendaharaan kosa kata Arab yang diulang-ulang dengan pelbagai bentuk dan cara. Terdapat kosa kata yang diulang-ulang dengan pelbagai bentuk, kata kerja dan kata nama sudah pasti memberi impak dalam perubahan makna, disamping tema yang dibawa oleh makna perkataan itu sudah pasti mempunyai signifikansi dengan al-Quran.

Kajian ini dijangka dapat menghasilkan sebuah kamus yang akan memanfaatkan masyarakat terutamanya pembaca al-Quran yang bukan penutur asli bahasa Arab dalam mentadabur ayat-ayat suci.

PENUTUP

Pengulangan kosa kata Arab dalam al-Quran mempunyai hikmah dalam usaha memberi makna yang tepat kepada manusia. Kepelbagaian bentuk kosa kata mendatangkan makna yang berbeza dengan bentuk yang lain. Bagaimanapun, pemilihan kosa kata asas mempunyai nilai tertentu dalam memahami manusia kepada perkara-perkara tertentu.

Sudah pasti ia tidak dapat lari daripada peranan dan fungsi al-Quran sebagai kitab hidayah kepada manusia. Pengulangan ini juga diharapkan dapat membentuk asas bahasa Arab kepada pembaca yang sentiasa membacanya dan dapat merasai kenikmatan makna-maknanya. Justeru diharapkan kajian ini menjadi titik tolak penghasilan bahan bantu mengajar bahasa Arab seperti kamus dan selainnya bagi membantu penguasaan bahasa Arab.

RUJUKAN

Buku

- Dickins, J. Hervey., S & Higgins, I. 2002. *Thinking Arabic Translation*. London and New York: Routledge Taylor and Francis Group.
- Ibn Athir, Dhia'uddin. (t.t) *Al-Mathal Al-Sa'r Fi Adab Al-Katib Wa Al-Sha'ir*. Tahqiq: Ahmad al-Hawfi dan badwi Tabanah. Cet.2 Kaherah:Dar al-Nahdhah Misr.
- Johnstone, B. 1991. *Repetition in Arabic Discourse: Paradigms, Syntagms, and the Ecology of Language*. John Benjamins.
- Mohamad Zaki, M.F. 2024. *Kerangka Kaedah Pengajaran Berasaskan Urutan Penguasaan Tatabahasa Bahasa Arab Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis Sarjana.
- Mustafa Bahjat, Mujahid. 2022. *Mu'jam Mufradat Al-Quran Al-Asasiyyah Al-Akthar Tiktara, Surah Al-Baqarah Namuzaja*. KUIPs.

- Nurhayati, Cucu. 2020. *Analisis Pengulangan Ayat Inna Fi Zalika La Ayah Wa Ma Kana Aksaruhum Mu'minin Dalam Surah Al-Shu'ara*. Tesis Sarjana. Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta:Indonesia.
- Shunnaq, A., & Farghal, M. 1999. *Translation With Reference To English And Arabic: A Practical Guide*. Irbid: Dar Al-Hilal for Translation.
- Al-Suyuti, Jalaluddin. 2000 *al-Itqan Fi 'ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Zahazan M. 2017. *Gaya Bahasa Pengulangan Dalam Al-Qur'an: Satu Kajian Dalam Surah Al-Rahman*. Tesis Ph.D.
- Al-Zamakhsary, Mahmud ibn 'Umar. 2009. *Al-Kashshaf 'An Haqa'q al-Tanzil Wa 'Uyun al-Aqawil Fi Wujuh al-Ta'wil*. Beirut:Dar al-Ma'rifah.

Jurnal

- Abu Bakar, Muhammad Abu Bakar. 2025. *Al-Tikrar fi surah al-Rahman: Maqasiduhu Wa Aghrad al-Atta'inin Fih*. Sebha University Journal of Human Sciences Vol.24 No.1 2025.
- Hasibuan, Sammad. 2022. *Penggunaan Gaya Bahasa Refetisi Dalam Surah Al-Jin (Sebuah Tinjauan Stilistika)*. El-Jaudah: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Arab Vol. III No.1.
- Hanik M., Himatul I. 2020. *Repetition in Surah al-Fath:(Qur'anic Stylistic Studies)*. Academic Journal of Islamic Studies, Volume 05. No. 20.
- Amir, Khalid, M. Rusydi. Garancang, Sabaruddin. Kasim, Amrah. 2017. *Bentuk-Bentuk Takrār Dalam Al-Qur'an Menurut Tinjauan Balaghah (Studi Pada Juz Amma)*. Jurnal Diskursus Islam, Volume 05. No. 3.
- Nathir, Khairul Asyraf. Othman, Mohd Sukki. Wan Sulong, Wan Muhammad. Nik Mustafa, Nik Farhan. 2017. *Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Al-Quran Melalui Aplikasi Almaany Di Dalam Telefon Pintar*. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies. Vol. 8. No. 1. December 2017.
- Mohammad Luthfil A. 2015. *Al-Takrār fi Al-Qur'ān (Kajian tentang Fenomena Pengulangan dalam al-Qur'an)*. Al-Itqan: Journal Studi Al-Qur'an, Volume 01. No. 1.
- Nurul Mukminah, Z. Na. & Latifah A. M. & Wan Nasyrudin W. A. 2017. *Repetition of al-Ma' and Ma' in Quranic Context: Meanings and Intents*. Jurnal al-Turath, Volume 2, No. 2.
- Umaimah, Badr al-Din, 2010. *Al-Tikrar fi al-Hadith al-Nabawi al-Sharif*. Majallah Jami'att Dimashq. Vol. 26 No.1-2. Syria.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.